

Deraf Pelan Perspektif Dasar Ekonomi Negara

Mahathir minta media massa bersikap positif

KUCHING 22 Mei — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta media massa supaya bersikap positif terhadap deraf Pelan Perspektif Dasar Ekonomi Negara dan jangan menjadikannya modal untuk menimbulkan ketegangan kaum.

Perdana Menteri berkata, sudah tentulah dalam negara berbilang kaum seperti Malaysia, akan timbul soal tidak puas hati terhadap apa saja dasar baru yang akan dilaksanakan tetapi masalah itu akan menjadi lebih besar jika media massa cuba melaga-lagakan semua kaum.

"Dalam hubungan ini, semua kaum mestilah mengamalkan sikap tolak ansur.....hanya dengan cara itu saja kita akan selamat dan pembangunan negara dapat dilaksanakan tanpa banyak menghabiskan masa di meja perbincangan," katanya kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat kabinet di Wisma Bapa Malaysia, Petra Jaya, di sini petang ini.

Mesyuarat kabinet yang pertama kalinya diadakan di negeri ini telah meluluskan Pelan Perspektif Dasar Ekonomi Negara atau "OPP Kedua" untuk dilaksanakan bagi menggantikan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang telah tamat tempoh pelaksanaannya.

Dalam sidang akhbar itu, Dato' Sri Dr. Mahathir menambah kata, laporan media yang negatif terhadap pelan perspektif kedua ini hanya akan menyebabkan ketegangan kaum yang berpanjangan.

"Kita tidak mahu ini berlaku dan pihak media yang disifatkan sebagai kuasa ke empat dalam menentukan nasib sesebuah negara haruslah mengutamakan keamanan dan kestabilan daripada kepentingan perniagaan mereka sendiri," katanya.

Beliau menambah, pelan perspektif yang baru diluluskan oleh kabinet ini sudah tentulah tidak dapat memenuhi kehendak semua pihak seratus peratus tetapi tidak keterlaluan untuk dikatakan bahawa ia akan memberi keutamaan kepada semua pihak secara adil.

Inilah cara Barisan Nasional mentadbir negara iaitu untuk membolehkan demokrasi dan pilihanraya dijalankan tanpa kejadian yang

tidak diinginkan.

"Dan saya percaya pihak akhbar dan media yang lain juga ingin melihat persefahaman dan kestabilan wujud di negara kita, dan media massa juga bertanggungjawab menentukan nasib negara dan memastikan matlamat kita ini tercapai," katanya lagi.

Menjawab pertanyaan mengenai Akta Keselamatan Dalam Negeri atau ISA, Perdana Menteri berkata, kepentingan akta itu mestilah dilihat dari perspektif keamanan dan keselamatan negara.

Katanya, salah satu sebab utama mengapa negara ini aman dan tidak berlaku kacau-bilau ialah kerana wujudnya ISA.

"Kita dapat melihat bagaimana di setengah negara, huru hara boleh dikatakan berlaku hampir setiap masa dan di negara kita, setengah-setengah orang takut untuk membuat kacau kerana mereka tahu kita mempunyai ISA," kata beliau.

Oleh itu, beliau berkata, kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan ISA sebagaimana yang didesak oleh Parti Bersatu Sabah atau PBS baru-baru ini.

Mengenai pertelingkahan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) pimpinan Dato' Leo Moggie dengan Parti Bumiputra Bersatu (PBB) pimpinan Ketua Menteri, Tan Sri Haji Taib Mahmud yang keduanya adalah anggota BN di peringkat Persekutuan tetapi 'bermusuhan' di peringkat negeri, Perdana Menteri berkata, beliau melihat ada ruang untuk mereka berbaik semula menjelang pilihanraya negeri.

Sambil bergurau dan berkata bahawa pilihanraya Negeri Sarawak akan diadakan pada hari Sabtu ini, Dato' Sri Dr. Mahathir menambah, semangat setiakawan BN akan menyatupadukan parti-parti komponennya yang bertelingkah.

Setakat ini, saya lihat memang ada harapan untuk kedua-dua pihak berbaik semula dan mengurangkan perselisihan faham mereka dan kalaupun ada kita harap ia hanya di peringkat yang minimum.